



## **UNTUK SIARAN SEGERA**

### **KENYATAAN MEDIA**

## **AMARAN KERAS KEPADA NELAYAN YANG TERLIBAT SAMA DALAM AKTIVITI PENYELUDUPAN DI LAUT**

1. Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) **kesal terhadap isu penyeludupan yang melibatkan kumpulan nelayan tempatan** di negara ini. Justeru, jabatan memandang serius dan memberi **amaran keras kepada kumpulan nelayan** agar tidak sekali terlibat dengan aktiviti ini atau tindakan akan diambil serta-merta.
2. Merujuk **kepada laporan akhbar yang diterbitkan oleh Kosmo pada 9hb. Januari 2023 di muka surat 14**, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Negeri Kedah dan Perlis telah berjaya membongkar **kegiatan penyeludupan minyak diesel yang dijalankan sejak Oktober 2022**. Melalui pemantauan yang dijalankan, bot-bot nelayan yang terlibat turun ke laut seperti biasa namun peralatan-peralatan menangkap ikan tidak kelihatan seperti adanya aktiviti menangkap ikan.
3. Dalam kes ini, nelayan yang ditahan adalah melibatkan warga tempatan, Thailand dan Kemboja. Siasatan dijalankan di bawah **Perenggan 8(b) Akta Perikanan 1985 (Akta 137); dengan melanggar apa-apa syarat dalam lesen yang dikeluarkan berkenaan dengan vesel itu**. Merujuk kepada kes ini, vesel tersebut **telah diubah suai** dari segi struktur simpanan bahan api tanpa kebenaran Ketua Pengarah Perikanan.
4. Sekiranya didapati bersalah, **Jabatan Perikanan Malaysia boleh mengambil tindakan dengan mengenakan kompaun yang tinggi serta menggantung lesen selama 1 tahun sebagaimana diperuntukkan di bawah seksyen 13 dan seksyen 31 Akta 137**. Ketua Pengarah juga boleh membatalkan lesen vesel yang terbabit dengan kegiatan yang menyalahi Akta 137.
5. Jabatan Perikanan Malaysia menasihati nelayan dan pemilik vesel penangkapan ikan tempatan agar mematuhi undang-undang dan syarat-syarat lesen yang telah

ditetapkan. Lesen yang diberikan hendaklah digunakan bagi tujuan menangkap ikan dan tidak boleh digunakan untuk tujuan lain.

###

Kenyataan media ini disiarkan oleh :

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia  
Wisma Tani, Putrajaya

**10 Januari 2023 (Isnin) jam 5.00 petang**

Sebarang pertanyaan sila hubungi :-

No. Tel : 017-794 7799 (Mohd Nizam – KUKK)  
012-664 9570 (Aqilah)

Email : [ukk@dof.gov.my](mailto:ukk@dof.gov.my) ; [pro@dof.gov.my](mailto:pro@dof.gov.my)